

GST bukan isu, rakyat semakin dapat terima

KUALA LUMPUR 29 Mei - Pembangkang tidak sewajarnya memainkan isu cukai barang dan perkhidmatan (GST) dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar kerana rakyat secara keseluruhannya telah menerima keputusan kerajaan itu yang bertujuan menjamin kestabilan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, GST merupakan sistem cukai yang cekap dan diperakui kepentingannya oleh 147 negara di seluruh dunia.

Katanya, sehingga kini, tiada negara berdepan dengan masalah besar selepas melaksanakan GST.

“Jika pembangkang mahu mainkan isu ini dalam PRK, tindakan tersebut tidak lebih daripada bermotifkan politik,” katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan pembangkang memainkan isu GST dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam PRK nanti.

Beliau ditemui ketika menyertai Perlawanan Golf Persahabatan Malaysia - China Kali Ketiga bagi merebut piala pusingan Tun Abdul Razak dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin



JOHARI ABDUL GHANI (dua dari kanan) menyerahkan piala pusingan **Tun Abdul Razak** sempena Perlawanan Golf Persahabatan Malaysia-China Kali Ketiga kepada **Naim Mohamad** (kapten pasukan Malaysia) di Kuala Lumpur, semalam.

Tengku Ahmad; Presiden Bank of China (M) Berhad, Wang Hongwei dan Naib Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Naim Mohamad.

Pertandingan golf persahabatan itu dianjurkan bagi memperingati hubungan diplomatik yang terjalin sejak 42 tahun lalu antara Malaysia dengan China yang dirintis oleh Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Ab-

dul Razak Hussein.

Mengulas lanjut, Johari berkata, Kementerian Kewangan kini sedang mencari jalan bagi memulihkan semula syarikat pelaburan strategik 1MDB dengan cuba menarik perhatian pelabur luar untuk bekerjasama dengannya.

“Kita kena faham pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan ada yang menguntungkan, ada yang tidak berapa menguntungkan.